

21 MAR 2003

MAHATHIR-EKONOMI/I

PERANG DI IRAQ TIDAK BERI KESAN SERTA-MERTA KE ATAS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kempen perang Amerika Syarikat terhadap Iraq tidak akan memberi kesan serta merta ke atas ekonomi Malaysia.

"Serta merta... tidak, tetapi ia akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini.

Beliau turut memberi jaminan kepada orang ramai bahawa kerajaan akan mencari jalan bagi mengatasi kesan peperangan itu, jika ada, dengan mengkajinya dengan teliti.

Dr Mahathir yang masih bercuti, berkata antara kesan yang boleh dijangka adalah dalam laluan penerbangan serta keputusan pelancong untuk mengguhkan rancangan melawat negara ini.

"Saya tidak tahu tentang sebarang kenaikan harga barangan. Tetapi yang jelas, (kos) insuran pengangkutan akan meningkat," katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan akan memastikan bekalan barangan yang stabil dan mencukupi.

Dr Mahathir turut menggesa orang ramai supaya tidak mengadakan demonstrasi berikutan serangan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq.

"Kita tidak mahu tindakan tidak bertanggungjawab yang boleh menggugat kestabilan ekonomi tempatan," katanya.

Ditanya tentang pergerakan harga minyak ketika peperangan ini, Dr Mahathir berkata ada pihak percaya harga akan stabil sekiranya peperangan ini berakhir dengan pantas.

"Tetapi saya tidak tahu. Kadang-kala mereka memberi reaksi kepada perkara yang berbeza. Kadang-kala ia hanya politik harga minyak," katanya.

Begitu juga dengan prestasi pasaran saham, katanya. Ada kalanya beliau keliru dengan keputusan para pelabur asing dalam melabur di bursa tempatan, tambahnya. -- BERNAMA

WNZ FR JR